

HARI : _____

RABU

TARIKH : _____

3/7/2019

M/SURAT : _____

37

Produk tiruan Perodua membimbangkan

KUALA LUMPUR 2 Julai - Perodua mengambil inisiatif menganjurkan sesi perjumpaan bersama pegawai-pega-
wai penguat kuasa daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sebagai satu daripada usaha menghalang perkembangan produk dan alat ganti tiruan di pasaran,

Pengarah Urusan Perodua Sales Sdn. Bhd. Datuk Dr. Zahari Husin berkata, ini kerana pihaknya sedar men-
genai kewujudan produk dan alat ganti tiruan di pasaran yang menggunakan jenama Perodua dan sebahagiannya sukar dibezakan dengan yang tulen.

"Ini termasuk minyak pelincir, penapis minyak, penyeraf kejutan dan pad brek. Perkara ini amat mem-
bimbangkan kerana barang tersebut merupakan barang kritikal."

"Pelanggan boleh terpe-
daya membeli dan menggunakan barang tiruan ini pada kenderaan mereka, ini bukan sahaja akan membantalkan waranti tetapi boleh menjelas-
kan keselamatan dan keadaan kenderaan mereka," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Perodua bersama dengan pengedar servis dan stokis terpilih telah menyampaikan taklimat menyeluruh kepada 120 pegawai penguat kuasa KPDNHEP, memberi penge-
nalan kepada pelbagai produk dan alat ganti Perodua, di-

mana produk dan alat ganti tersebut dijual, aliran logistik dan kaedah membezakan ba-
rangan tulen dan tiruan.

Yang turut hadir dalam sesi taklimat di ibu pejabat Perodua, Sungai Choh itu termasuk Timbalan Pengarah Penguatkuasa (Pencegahan) KPDNHEP, Suhaimi Mat Sari.

Tambah Zahari, sebagai syarikat automotif yang bertanggungjawab pihaknya ingin mengingatkan para pengguna supaya berhati-hati dan tidak terjebak dengan taktik peniaga-peniaga tidak bertanggungjawab yang menjual barang tiruan Perodua.

"Beli dan pakailah produk dan alat ganti tulen Perodua daripada stokis-stokis kami yang sah atau mana-mana pusat servis Perodua di seluruh negara.

"Produk dan alat ganti tulen Perodua boleh didapati dengan harga berpatutan dan memberi ketenangan minda sepenuhnya. Sebagai alternatif, kami juga menawarkan produk dan alat ganti ProGanti, yang lebih mampu milik dan tetap dijuji serta diperakui Perodua," katanya

Sementara itu Suhaimi berkata, KPDNHEP menyambut baik inisiatif yang dijalankan oleh pengeluar kenderaan tempatan itu dan berharap ia akan memberi manfaat serta membantu tugas para pegawai kementerian untuk mengesan, mengenalpasti dan membanteras barang tiruan Perodua di pasaran.



ZAHARI HUSIN (kanan) dan Suhaimi Mat Sari pada sesi taklimat berkenaan produk dan alat ganti tulen Perodua yang diadakan di ibu pejabat Perodua, Sungai Choh, semalam.